

Hampir 100 pekerja risau tiada duit untuk sara keluarga

'Tolong bayar gaji kami'

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI
NIK ADNAN

Kosmo! MS:12 16/6/2022

KEMAMAN – Kehidupan kira-kira 50 pekerja sebuah syarikat di Teluk Kalong di sini tidak keruan apabila masing-masing mendakwa tidak menerima gaji sejak dua bulan lalu.

Selain gaji, mereka juga mendakwa caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan elaun petugas pelantar minyak juga tidak dilunaskan secara konsisten oleh syarikat itu sejak hampir setahun lalu.

Seorang pekerja, Mohd. Safwan Zahari, 31, mendakwa, masalah berlaku apabila pengurusan syarikat terbabit bertukar pada tahun 2020.

“Bagaimanapun, kami tetap setia untuk bekerja meskipun tidak dapat gaji sejak Mac lalu.

“Hampir 100 pekerja yang senasib dengan kami kini amat terdesak untuk meneruskan hidup ekoran masalah tersebut apabila gaji tidak diterima untuk menyara keluarga,” katanya ketika menyertai piket di hadapan



SEBAHAGIAN pekerja yang mengadakan piket di hadapan sebuah syarikat di Teluk Kalong, Kemaman semalam.

syarikat di Teluk Kalong di sini semalam.

Seorang lagi pekerja, Wan Mohd Safawi Wan Salleh, 41, mendakwa, dia kini terpaksa memikirkan untuk mencari kerja lain demi menyara isteri dan tiga anaknya berusia antara lapan

hingga 12 tahun.

“Komitmen bulanan saya tinggi apatah isteri tidak bekerja dan anak-anak juga masih bersekolah.

“Saya fikir untuk cari kerja lain tetapi pada masa sama risau kerana peluang pekerjaan

pada masa ini semakin terhad,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Kamarul Baharin Mansur kesal dengan tindakan majikan berkenaan.

“Beberapa rundingan telah di-

jalankan dengan syarikat terbabit dan pekerja, namun masih tidak menemui jalan penyelesaian.

“Jika keadaan ini masih berterusan, kami kita akan mengadakan piket yang lebih besar,” katanya.